

23 AUG 2001

RAFIDAH-PARTENARIAT

IKS TEMPATAN DINASIHAT BERUNDING TERUS DENGAN PEMBELI

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Para pengeluar Malaysia, khususnya yang kecil dan sederhana, hari ini dinasihat supaya berunding terus dengan bakal-bakal pembeli daripada berunding dengan para pedagang.

"Jangan takut berunding dengan pembeli," kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, yang menggesa para pengeluar supaya mengambil langkah yang lebih pro-aktif dalam program-program pemasaran mereka.

Beliau mengulangi seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada ahli-ahli perniagaan Malaysia supaya menjalankan usaha-usaha pemasaran sendiri, bukannya memberikan tugas itu kepada pihak ketiga di negara asing.

Bercakap di sesi taklimat bulanan media kementerian itu di sini hari ini, Rafidah berkata dengan berunding terus dengan pembeli di seberang laut, para pengeluar tempatan akan mendapat pulangan yang lebih baik yang sebaliknya akan didapati oleh para pedagang.

Dengan membekal secara terus, hubungan jangka panjang juga akan dapat dipupuk di antara mereka, sementara para pedagang selalunya tidak begitu setia kerana mereka akan lebih cenderung dengan julat keuntungan, dan seterusnya menukar pembekal dengan mudah.

Sementara itu, Rafidah juga menggesa para pengeluar Malaysia, khususnya usahawan kecil dan sederhana, supaya menghadiri Partenariat Kesatuan Eropah (EU)-Malaysia 2001 (sebuah forum pepadanan perniagaan) yang akan diadakan di pusat pameran The Mines di Seri Kembangan dekat sini pada 5 dan 6 Nov 2001.

Wakil dari kira-kira 300 syarikat Eropah dijangka akan menghadiri forum itu.

Setakat ini, 318 syarikat Malaysia telah menyatakan minat untuk menghadiri forum yang akan dianjurkan bersama dengan Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia.

"Kita mahukan lebih banyak penyertaan dari para pengeluar tempatan yang harus mengambil peluang yang mudah ini kerana ahli-ahli perniagaan Eropah itu akan datang ke sini, kata Rafidah.

Beliau berkata forum-forum pepadanan perniagaan ini adalah satu platform bagi para peserta membincangkan kemungkinan perkongsian atau usaha sama perniagaan.

Enam sektor telah dipilih untuk pertemuan dua hari itu. Iaitu industri sokongan kejuruteraan, elektronik, pemerosesan dan pembungkusan makanan, jentera dan kelengkapan, teknologi alam sekitar, dan teknologi maklumat dan komunikasi.

-- BERNAMA

MFZ SHY JR